

## SIARAN AKHBAR

### TIGA LAGI JENAZAH JEMAAH INSIDEN KREN TUMBANG DIKENALPASTI DAN SEORANG JEMAAH HAJI DIKESAN

**KELANA JAYA, 13 September 2015:** Terlebih dahulu setinggi-tinggi rakaman terima kasih diucapkan kepada semua wakil media yang berada di sini untuk kita bersama-sama berkongsi perkembangan terbaru berkaitan insiden di Makkah.

**TH** mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi terutamanya Kementerian Haji, Kesihatan, Muassasah Asia Tenggara dan Pejabat Kedutaan Malaysia di Arab Saudi yang memberikan kerjasama dan bantuan kepada **TH** bagi mempercepatkan usaha-usaha pengecaman.

Secara umumnya proses pengecaman yang dilakukan adalah melalui:

- i. Pengecaman jenazah berdasarkan paparan gambar serta barang pengenalan jenazah di rumah mayat. Jemaah Haji Malaysia telah dibekalkan dengan beberapa tanda pengenalan diri seperti buku rekod kesihatan, pas dan gelang. Tanda pengenalan ini memudah dan mempercepatkan segala usaha pencarian dan pengecaman dilakukan.

- i. Setelah identiti disahkan, jenazah tersebut dilaporkan kepada pihak Muassasah untuk proses pengebumian.

Pada jam 6.00 petang (waktu Saudi), **TH** telah mengenalpasti tiga lagi jenazah iaitu:

BIL	BUTIRAN	
1		<b>SITI NUROSHLIZAN ZOLKIFLI</b> <b>37 THN, KT49</b> <b>MAKTAB 90 AL WAFIDEEN</b> <b>TANAH MERAH, KELANTAN</b>
2		<b>ROHANA ISMAIL</b> <b>54 THN, KT49</b> <b>MAKTAB 90 AL WAFIDEEN</b> <b>KUALA KRAI, KELANTAN</b>
3		<b>MUNAH JUSOH</b> <b>73 THN, KT49</b> <b>MAKTAB 90 AL WAFIDEEN</b> <b>CHERANG RUKU, KELANTAN</b>

Ketiga-tiga jenazah telah dikenalpasti oleh waris-waris mereka di Tanah Suci.

Kami semua amat berdukacita, bersimpati dan mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga Allahyarhamah. Kami juga mengambil kesempatan ini menasihati mereka untuk bersabar dan tabah dengan dugaan ini.

Marilah kita bersama-sama mendoakan agar roh ketiga-tiga Allahyarhamah ditempatkan dikalangan mereka yang beriman dan beramal soleh.

Untuk makluman semua, Kerajaan Arab Saudi menempatkan kesemua jenazah di rumah mayat Muaissem, yang terletak berdekatan dengan Mina, Makkah.

Pada masa yang sama kami berharap waris-waris yang lain akan terus bersabar dan berdoa. **TH** akan terus berusaha sedaya upaya untuk terus mencari mangsa-mangsa di hospital-hospital berdekatan serta memastikan segala proses-proses pengecaman diselesaikan secepat mungkin.

Manakala seorang jemaah haji Abdul Muluk Ishak, 71 tahun dari Pantai Remis, Perak yang tersasar ke maktab penginapan jemaah haji Thailand berada dalam keadaan sihat dan selamat pulang ke maktab penginapan.

BIL	BUTIRAN	
1		<b>ABDUL MULUK ISHAK 71 THN, KT04 MAKTAB 89 LAND PREMIUM PANTAI REMIS, PERAK</b>

**TH** akan memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

-Tamat-